



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 15 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,432 kes** (422,329 kes kumulatif, 90.6%);
- Kes baharu : **4,140 kes** (466,330 kes kumulatif);
- Kes import : **9 kes** (9 warganegara);
- Kes tempatan : **4,131 kes** [3,728 warganegara (90.2%); 403 bukan warganegara (9.8%)];
- Kes aktif : **42,135 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **503 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **272 kes**;
- Kes kematian : **44 kes** (1,866 kes kumulatif, 0.40%; 43 warganegara, 1 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **1,876 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **15 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,410 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **466 kluster**.

Terdapat **44 kes kematian** pada hari ini yang melibatkan **26 kes** di Selangor, **lima (5) kes** di Kelantan, **empat (4) kes** di Sarawak, masing-masing **tiga (3) kes** di Kedah dan Johor, **dua (2) kes** di WP Kuala Lumpur serta **satu (1) kes** di Negeri Sembilan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 1, 2, 3 dan 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

PENINGKATAN UJIAN SARINGAN COVID-19 DI SELURUH NEGARA DALAM MENGHADAPI GELOMBANG KETIGA COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa sebanyak 8,573,873 ujian saringan COVID-19 telah dijalankan sejak 1 Januari 2021 sehingga 13 Mei 2021. Ini merangkumi sebanyak 4,747,837 ujian *real-time Reverse-Transcription Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) dan 3,826,036 ujian *Rapid Test Kit-Antigen* (RTK-Ag) termasuk saringan PERKESO dan BUKAN PERKESO. Purata jumlah ujian saringan yang telah dijalankan secara harian adalah

sebanyak 63,925 sampel dari 7 Mei 2021 hingga 13 Mei 2021. Manakala, purata jumlah ujian mingguan dari Minggu Epid (ME) ke-15 hingga ME ke-18 adalah sebanyak 483,518 sampel. Ini menunjukkan peningkatan jumlah saringan yang telah dijalankan berbanding bulan sebelumnya (ME ke-11 hingga ME ke-14), di mana purata jumlah ujian mingguan yang telah dijalankan adalah sebanyak 369,456 sampel (peningkatan sebanyak 23.6 peratus).

Sehingga kini, pelbagai langkah kesiapsagaan berikutan pertambahan bilangan kes COVID-19 di Malaysia telah dilaksanakan. Ini termasuklah;

- Menambah kapasiti makmal yang boleh menjalankan ujian diagnostik RT-PCR;
- Penyumberluaran ujian saringan COVID-19 ke makmal swasta;
- Penggunaan ujian RTK-Ag sebagai ujian saringan COVID-19 bagi mengesan wabak COVID-19 dengan cepat dalam jumlah yang besar; dan
- Pengujian saringan menggunakan air liur yang lebih mudah dan cepat serta boleh dilaksanakan oleh semua lapisan masyarakat

Masyarakat diingatkan untuk terus mengamalkan SOP yang telah digariskan khususnya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. KKM ingin mengingatkan individu yang bergejala dan dari kawasan berisiko tinggi, dinasihatkan membuat pemeriksaan di fasiliti kesihatan berhampiran. Bagi mereka yang telah menjalani ujian pengesanan COVID-19, apabila telah menerima keputusan, mereka boleh memaklumkan kepada KKM melalui aplikasi MySejahtera iaitu "*self-notification*". Individu yang telah diambil sampel perlu menjalankan pengasingan sendiri sehingga keputusan ujian saringan didapati negatif.

Semua makmal yang menjalankan ujian SARS-CoV-2 samada makmal kerajaan atau swasta dikehendaki memasukkan data keputusan ujian sampel (samada negatif ataupun positif) ke dalam sistem SIMKA. Setiap pemohon (PKD atau Klinik Kesihatan) akan mengakses keputusan makmal ini secara atas talian. Keputusan dari makmal swasta juga akan dimaklumkan dengan segera kepada KKM melalui saluran sediada.

Tempoh masa PKP ini merupakan suatu tempoh yang sangat genting bagi kita untuk bersama-sama melandaikan keluk jangkitan COVID-19 di negara kita. Peningkatan kapasiti hospital dan kemunculan varian-varian baharu dalam komuniti memerlukan tindakan kesihatan awam yang efektif serta

kerjasama semua lapisan masyarakat bagi memastikan usaha yang telah kita laksanakan selama ini membuahkan hasil.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

15 Mei 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 15 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,507	152,388
SABAH	60	59,262
JOHOR	433	50,195
WP KUALA LUMPUR	398 (8)	49,466
SARAWAK	324 (1)	37,978
PULAU PINANG	338	23,591
NEGERI SEMBILAN	190	20,562
KELANTAN	109	18,867
PERAK	182	16,666
KEDAH	239	12,482
MELAKA	97	8,549
PAHANG	116	6,364
TERENGGANU	119	5,526
WP LABUAN	3	2,510
WP PUTRAJAYA	23	1,535
PERLIS	2	389
JUMLAH KESELURUHAN	4,140 (9)	466,330

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 44 kes kematian pada 15 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital/ Tempat Kediaman	Latar Belakang
1823	Sarawak	Lelaki (WN)	64	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1824	Sarawak	Perempuan (WN)	80	Hospital Bintulu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan kanser
1825	Selangor	Perempuan (WN)	73	Hospital Sungai Buloh	-
1826	Selangor	Lelaki (WN)	58	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan strok
1827	Selangor	Lelaki (WN)	74	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit kencing manis, dan jantung
1828	Kelantan	Perempuan (WN)	78	Hospital Raja Perempuan Zainab, Kota Bharu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1829	Kelantan	Lelaki (WN)	75	Hospital Raja Perempuan Zainab, Kota Bharu	Penyakit darah tinggi
1830	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Sungai Buloh	Penyakit jantung
1831	Selangor	Lelaki (WN)	52	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
1832	Selangor	Lelaki (WN)	69	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
1833	Sarawak	Lelaki (WN)	92	Hospital Sarikei	Penyakit darah tinggi dan paru-paru kronik

1834	Sarawak	Lelaki (WN)	88	Hospital Sarikei	Penyakit darah tinggi, dan dislipidemia
1835	Selangor	Lelaki (WN)	72	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
1836	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	80	Hospital Tengku Ja'afar, Seremban	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan gout
1837	Kelantan	Perempuan (WN)	60	Hospital Raja Perempuan Zainab, Kota Bharu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
1838	Selangor	Perempuan (WN)	82	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan strok
1839	Kedah	Lelaki (WN)	68	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
1840	Selangor	Lelaki (WN)	71	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
1841	Selangor	Lelaki (WN)	55	Hospital Sungai Buloh	Penyakit paru-paru kronik
1842	Selangor	Lelaki (WN)	48	Hospital Banting	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1843	Selangor	Lelaki (WN)	52	Hospital Shah Alam	Penyakit kencing manis, darah tinggi, paru-paru, dan buah pinggang kronik
1844	Selangor	Perempuan (WN)	89	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
1845	Selangor	Perempuan (WN)	79	Hospital Kajang	Penyakit kencing manis dan strok

1846	Selangor	Perempuan (WN)	76	Hospital Shah Alam	Penyakit darah tinggi, gout, dan paru-paru kronik
1847	Selangor	Perempuan (WN)	76	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, buah pinggang kronik, dan kanser
1848	Selangor	Lelaki (WN)	56	Hospital Shah Alam	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1849	Selangor	Lelaki (WN)	51	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan <i>Obstructive Sleep Apnoea</i>
1850	Kelantan	Lelaki (WN)	59	Hospital Tumpat	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan strok
1851	Kelantan	Lelaki (WN)	62	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai	-
1852	Kedah	Perempuan (WN)	57	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Penyakit kencing manis, jantung, dan buah pinggang kronik
1853	Selangor	Lelaki (WN)	77	Hospital Kajang	Penyakit kencing manis, dan darah tinggi
1854	Selangor	Lelaki (WN)	78	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi
1855	Selangor	Lelaki (WN)	74	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan kanser
1856	Selangor	Perempuan (WN)	71	Hospital Kajang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan tuberkulosis

1857	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, dan darah tinggi
1858	Selangor	Lelaki (WN)	65	Hospital Kajang	Penyakit kencing manis, dan darah tinggi,
1859	Selangor	Lelaki (WN)	58	Hospital Selayang	-
1860	Selangor	Lelaki (WN)	57	Hospital Kajang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1861	Johor	Lelaki (WN)	56	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	<i>Down Syndrome</i>
1862	Johor	Lelaki (WN)	67	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, strok, dan dislipidemia
1863	W.P. Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	63	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang kronik
1864	W.P. Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	55	Hospital Selayang	-
1865	Kedah	Lelaki (WN)	65	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1866	Johor	L (BWN)	50	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Penyakit kencing manis

*WN merujuk kepada warganegara.

LAMPIRAN 3

Perincian 4,140 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 15 Mei 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	1,507	72	1075	-	360
JOHOR	433	177	195	-	61
WP KUALA LUMPUR	398	97	188	8	105
PULAU PINANG	338	124	139	-	75
SARAWAK	324	28	241	1	54
KEDAH	239	56	84	-	99
NEGERI SEMBILAN	190	45	102	-	43
PERAK	182	68	84	-	30
TERENGGANU	119	54	57	-	8
PAHANG	116	37	54	-	25
KELANTAN	109	25	46	-	38
MELAKA	97	37	45	-	15
SABAH	60	21	30	-	9
WP PUTRAJAYA	23	3	13	-	7
WP LABUAN	3	-	1	-	2
PERLIS	2	-	-	-	2
JUMLAH KESELURUHAN	4,140	844	2,354	9	933

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 15 MEI 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Lebuh Sultan	Tempat Kerja	Selangor	Klang	23	96
2	Sungai Pinang Tujuh	Tempat Kerja	Selangor	Klang	20	106
3	Jalan Kilang Midah	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur, dan Selangor	Cheras, Lembah Pantai, dan Hulu Langat	17	28
4	Tapak Bina Persiaran Stonor	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	29	233
5	Perusahaan Maju Lapan	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	67	469
6	Jalan Tey Mia Jen	Tempat Kerja	Johor	Muar	29	579
7	Jalan Perindustrian Tiga	Tempat Kerja	Johor	Muar	30	358
8	Jalan Bertingkat Skudai	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	18	203
9	Kemunting	Keagamaan	Pahang	Kuantan	16	140
10	Persiaran Lavender	Keagamaan	Negeri Sembilan	Seremban, dan Kuala Pilah	39	74
11	Jalan Telipot	Keagamaan	Kelantan	Kota Bharu, dan Bachok	30	64
12	Jalan Keramat Wangsa	Keagamaan	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	31	38
13	Jalan Alsagoff	Institusi Pendidikan KPM	Johor	Pontian	6	192
14	Impian Indah	Pendidikan Lain	Selangor	Gombak, dan Petaling	26	170
15	Jalan Sultan Azlan Shah	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pulau Pinang	Timur Laut, dan Barat Daya	12	19